Headline	MPB ungguli Anugerah Media Melaka		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	30
ArticleSize	397 cm²	Journalist	Norizzah
PR Value	RM 40,896		

WILAYAH

MPB ungguli Anugerah Media Melaka

UMNO Kajang turun padang dengar keluhan

MPB ungguli Anugerah Media Melaka

Kumpulan Media Prima menang empat hadiah utama

Oleh Norizzah Baharudin

bhnews@bh.com.my

Melaka

Kumpulan Media Prima Bhd (MPB) mengungguli Anugerah Media Melaka 2017 malam tadi dengan memenangi empat anugerah utama.

Wartawan *BH*, Fairuz Zaidan, memenangi kategori Laporan Rencana Terbaik menerusi penulisan '*Visi Melaka Maju 2010 Tingkat Pelaburan Asing*', manakala wartawan sambilan *BH*, Nazri Abu Bakar memenangi Anugerah Khas Sukan.

Jurufoto The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Muhammad Rasul Azli Samad, memenangi Anugerah Jurufoto Terbaik Personaliti Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron; manakala jurukamera TV3, Baharudin Mohamed menerima Anugerah Berita Video Terbaik menerusi laporan *Sungai Melaka*.

Semua penerima anugerah membawa pulang sijil, trofi dan hadiah wang tunai yang disampaikan oleh Idris.

Hargai peranan media

Majlis anjuran kerajaan negeri dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB), turut dihadiri isteri Idris, Datin Seri Fadilah Abdullah dan EXCO Komunikasi dan Koperasi negeri, Datuk Wira Latiff Tamby Chik.

Terdahulu, Idris dalam ucapannya, berkata majlis itu diadakan bagi menghargai peranan media yang melaporkan berita dan isu semasa, terutama program pembangunan kerajaan negeri sejak beliau menerajui pentadbiran pada 2013.

"Contohnya, media melaporkan kempen *Don't Mess With Melaka* melalui corak penulisan serta pandangan berbeza mengikut kefahaman masing-masing, namun memberi impak besar kepada kerajaan negeri," katanya.

[FOTO MUHAMMAD ZUHAIRI ZUBER/BH]

***Idris (tengah) bersama penerima anugerah** pada majlis Anugerah Malam Media Melaka 2017, semalam.*

Powered by: iSENTIA